

[FOTO HALIMATON SAADIAH/BH]



Norolhidayu Rohani dan Aini Farhana Abdul Rashid menunjukkan kad bantuan Program MyKasih Domino's Pizza Malaysia.



Kenaikan harga barangan seperti keperluan asas membuatkan kami menyediakan inisiatif ini untuk memberi bantuan kewangan kepada pekerja yang layak”

Shamsul Amree Ab Rahman,
Pengurus Besar Kanan,
Operasi Domino's Pizza
Malaysia dan Singapura

Pekerja Domino's terima subsidi bulanan RM100

Kuala Lumpur: Mulai tahun depan, lebih 50 pekerja Domino's Pizza Malaysia akan menikmati subsidi RM100 setiap bulan dalam tempoh dua tahun bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup.

Subsidi itu dilakukan menerusi program Domino's We Care selepas menapis senarai kakitangannya yang layak.

Pengurus Besar Kanan, Operasi Domino's Pizza Malaysia dan Singapura, Shamsul Amree Ab Rahman, berkata dengan kos sara hidup di ibu kota yang semakin tinggi sewajarnya program itu dilaksanakan.

Katanya, berdasarkan rekod ada sebilangan pekerja yang mempunyai keluarga besar dan pastinya memberi cabaran pada mereka.

“Kenaikan harga barangan seperti keperluan asas membuatkan kami menyediakan inisiatif ini untuk memberi bantuan kewangan kepada pekerja yang layak.

“Kami ingin memelihara keperluan asas pekerja dari segi makanan harian yang mencukupi memandangkan ia penting untuk mengurangkan gaya hidup sihat dan dipenuhi khasiat.

“Dengan subsidi ini, kami berharap ia dapat mengubah kehidupan keluarga pekerja kami lebih

baik selari dengan pegangan kami bagi memperkasakan kehidupan kakitangan yang kurang berkemampuan,” katanya kepada BH.

Beri penghargaan

Program Domino's We Care adalah sebagai tanda penghargaan atas khidmat dan sumbangan berkuliti kepada syarikat yang akan dimulakan mulai Januari depan.

Menerusi program itu sebanyak RM100 dikreditkan setiap bulan dalam kad pintar Domino's kepada kakitangan terpilih dalam tempoh dua tahun.

Shamsul Amree berkata, penting untuk pihak syarikat mema-

hami latar belakang pekerja demi memastikan mereka berada dalam keadaan yang baik dan bahagia.

“Pekerja bahagia adalah yang produktif. Jadi melalui program ini, manfaat mampu diterima oleh semua pihak yang terbabit,” katanya.

Sementara itu, Penolong Pengurus Domino's Pizza Taman Connaught, Norolhidayu Rohani, 34, berkata beliau bersyukur apabila majikannya begitu prihatin dengan memberi bantuan menerusi program itu.

Katanya, secara tidak langsung dapat meringankan beban beliau yang memilih menjadi ‘ketua ke-

luarga’ untuk membeli keperluan dapur atau susu formula.

“Biasanya setiap bulan saya membeli dua pek susu formula, tetapi dengan bantuan diberikan ini saya boleh membeli empat pek.

Sekurang-kurangnya saya tidak cemas jika kekurangan wang dan boleh merancang perbelanjaan bulanan saya,” katanya.

Katanya, biarpun keputusan dilakukan agak janggal, demi kebaikan keluarga dan persetujuan suaminya, beliau saja yang bekerja memandangkan memperoleh pendapatan lebih daripada suaminya.